

03/09/2002

Sekolah rendah akan dilengkapi komputer

Kadir Dikoh; Magendran Rajagopal

PUTRAJAYA, Isnin - Kerajaan kini memberi keutamaan penyediaan peralatan dan prasarana teknologi maklumat (IT) termasuk komputer di sekolah rendah sejajar usaha meningkatkan pembelajaran bahasa Inggeris di sekolah itu.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, untuk tujuan itu, kerajaan akan memperuntukkan lebih banyak wang bagi pembangunan sekolah rendah.

Perdana Menteri berkata, kerajaan terpaksa melengkapkan semua sekolah dengan komputer berikutan keputusan kerajaan menggunakan komputer dan perisian kursus (courseware) bagi tujuan pengajaran bahasa Inggeris.

"Saya juga sedang meninjau beberapa institusi dari Britain yang menyediakan kurikulum dan buku teks bagi melihat bagaimana mereka dapat menyediakan kursus perisian yang sesuai untuk kegunaan kita.

"Saya tak tahu sama ada kita dapat menyediakan kursus perisian itu kerana kesuntukan masa (melaksanakan pengajaran bahasa Inggeris untuk Sains dan Matematik tahun depan)," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada sidang akhbar selepas mengadakan perbincangan dengan anggota Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) dan tujuh persatuan suku kaum Cina di pejabatnya di sini, hari ini.

Pertemuan itu bertujuan mendengar penjelasan serta pendirian badan itu berhubung cadangan penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran subjek Sains dan Matematik di semua sekolah rendah mulai tahun depan.

Dr Mahathir berkata, Kementerian Pendidikan kini berusaha mendapatkan perisian kursus bagi pengajaran bahasa Inggeris. Kerajaan juga sedang mendapat beberapa cadangan daripada mereka yang terbabit dalam industri IT.

Katanya, penggunaan komputer dan perisian kursus akan mempermudah pengajaran bahasa Inggeris serta penggunaan bahasa itu bagi mengajar mata pelajaran Sains dan Matematik.

Perdana Menteri berkata, penggunaan IT bagi memudahkan penggunaan bahasa Inggeris bagi subjek Sains dan Matematik juga dijelaskan dalam pertemuannya dengan wakil ACCCIM.

Katanya, pengajaran bahasa Inggeris akan dibuat menggunakan teknologi IT manakala guru akan bertindak sebagai fasilitator.

"Mereka (pelajar dan guru) akan menurut courseware (perisian kursus) ini yang boleh disampaikan melalui siaran langsung dari unit pusat atau dengan menggunakan CD-ROM yang mana pelajaran akan ditayangkan pada skrin atau dinding dan di situ murid boleh membaca dan juga mendengar perkataan.

"Untuk mempelajari bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah ini bukanlah satu perkara yang kompleks, cuma bahasa Inggeris mudah. Contohnya, kalau nak ajar tentang menyoal nama... apa nama kamu?.

"Maka ia akan lihat tulisan itu dan dengar perkataan itu disuarakan, bukan oleh guru tetapi oleh courseware dengan loghat bahasa Inggeris yang tepat, bukan sebutan Cina, Melayu atau India. Masa itu bukan saja murid akan belajar, guru juga akan belajar," katanya sambil menegaskan proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris akan menjadi lebih mudah.

Sementara itu, Dr Mahathir berkata, usaha memperkembangkan sekolah kebangsaan kurang berjaya berikutan peratusan pelajar Cina dan India yang sangat kecil.

Malah katanya, sesetengah orang Melayu lebih suka menghantar anak mereka belajar di sekolah agama berbanding sekolah kebangsaan.

Dr Mahathir juga menafikan langkah kerajaan menggunakan bahasa Inggeris

bagi pengajaran Sains dan Matematik bertujuan memaksa sekolah Cina menerima guru Melayu atau India yang fasih berbahasa Inggeris.

"Sudah tentu sekolah Cina di Malaysia tidak akan sama dengan sekolah Cina di China. Ini adalah sekolah Cina di Malaysia, bukan Cina di China, Taiwan atau Singapura.

"Sebagai Cina Malaysia, mereka menerima apa yang dianggap sebagai kebangsaan di Malaysia. Contohnya, mereka menerima perlembagaan, mereka terima keperluan pelbagai kaum untuk bekerjasama tetapi ini adalah kerana mereka Cina Malaysia," katanya.